



YPDR. 08/4/5 (96)

3hb. April 2013

KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah menerima **Proklamasi Perisytiharan Pembubaran Parlimen Ke-12** pada hari Rabu, **3 April 2013** yang ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada YAB Perdana Menteri berdasarkan Perkara 55 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Dengan perisytiharan ini, maka **tempoh Majlis Parlimen Ke-12** adalah selama **4 tahun 11 bulan**. Tempoh ini merupakan antara yang terpanjang dalam sejarah Majlis Parlimen Malaysia.

Justeru, urusan selanjutnya akan terletak kepada bidang kuasa pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk melaksanakan proses pilihan raya umum.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Amin".

(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA PANDIKAR AMIN HAJI MULIA)